

HUBUNGAN ANTARA PERSEKITARAN KEKELUARGAAN DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK MURID SIAM DI SEKOLAH MENENGAH DALAM JAJAHAN TUMPAT

Oleh

Ting Len Siong

Jabatan Penyelidikan dan Pembangunan
Maktab Perguruan Sultan Mizan, Besut.

Abstrak

Persekitaran kekeluargaan adalah penting dalam menentukan pencapaian akademik murid. Persekitaran keluarga yang miskin biasanya melahirkan murid yang berprestasi rendah. Namun begitu, terdapat juga murid pandai yang berasal daripada keluarga miskin. Oleh itu, tujuan kajian ini ialah meninjau serta membandingkan persekitaran kekeluargaan dan pencapaian akademik murid-murid Siam yang berbeza. Teori budaya kemiskinan menjadi asas kajian ini. Sampel kajian terdiri daripada 190 orang murid Siam kelas baik dan kelas lemah dari tiga buah sekolah menengah dalam jajahan Tumpat. Soal selidik diedarkan kepada murid. Data dianalisis menggunakan ujian korelasi dan ujian khi kuasa dua. Faktor-faktor persekitaran kekeluargaan seperti tahap pendidikan bapa, pekerjaan bapa, pendapatan ibu bapa, jumlah bahasa perantaraan dalam keluarga, bilangan ahli keluarga, jumlah jam menonton televisyen pada hari persekolahan, jumlah jam menonton televisyen pada hujung minggu, memiliki bilik bacaan dan memiliki buku rujukan mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik murid Siam. Dapatan kajian membawa implikasi kepada langkah-langkah yang boleh dilakukan untuk membantu mewujudkan persekitaran yang positif bagi murid-murid Siam dalam jajahan Tumpat.

Pengenalan

Pendahuluan

Sejak negara kita mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, sektor pendidikan sentiasa diberikan penekanan oleh pihak kerajaan agar semua rakyat tidak kira yang tinggal di luar bandar ataupun di bandar, tidak ketinggalan dalam bidang pendidikan. Untuk membangunkan sektor pendidikan, pihak kerajaan telah menyediakan sejumlah peruntukkan. Sebagai contohnya dalam Rancangan Malaysia Kelapan, sebanyak RM18.66 juta disediakan (*Rancangan Malaysia Kelapan*, 2001). Walau bagaimanapun, pencapaian cemerlang dalam bidang akademik sering diperolehi oleh murid terpilih daripada sekolah di kawasan bandar, manakala murid di sekolah luar bandar dan pedalaman masih jauh ketinggalan di belakang.

Masalah Pendidikan Murid Siam

Secara geografinya, Kelantan terpisah daripada Thailand melalui sempadan antarabangsa. Namun begitu orang-orang Siam Kelantan mempunyai persamaan dengan orang-orang Siam yang tinggal di Thailand. Dalam hal ini, Thailand menjadi sumber tradisi Thai Agong (Great Thai Tradition) dan model kepada perlakuan sosial dan budaya masyarakat Siam Kelantan (Mohamed Yusoff, 2000). Pengaruh perlakuan sosial dan budaya tradisi Thai Agong ini lebih ketara lagi dengan sokongan media massa. Ini kerana di perkampungan masyarakat Siam Kelantan yang terletak di sempadan Malaysia-Thailand, siaran televisyen Thailand dapat dilihat dengan jelas.¹ Tinjauan awal penyelidik ke kampung-kampung masyarakat Siam yang utama mendapati kesemua keluarga memilih untuk menonton siaran Thailand.

Selain itu masalah kemiskinan adalah masalah utama yang melanda murid-murid keturunan Siam di Kelantan. Hampir 90% murid-murid Siam yang bersekolah di sekolah jajahan Tumpat berasal daripada keluarga miskin. Mereka adalah anak petani dan buruh kasar yang tinggal di beberapa kampung yang berhampiran dengan sekolah. Para murid Siam ini memasuki sekolah aliran Melayu yang berhampiran dengan kampung mereka. Di sekolah, para murid Siam ini akan memmuridi semua mata muridan sama seperti murid majoriti iaitu murid-murid Melayu kecuali mata muridan Pendidikan Islam dan Bahasa Arab. Berbekalkan latar belakang yang tidak memberikan kelebihan seperti ibu bapa yang miskin, tahap pendidikan ibu bapa yang rendah serta penggunaan Bahasa Siam sebagai bahasa pertuturan dalam keluarga, maka murid-murid Siam menghadapi masalah semasa berada di sekolah.

Ini menyebabkan mereka sentiasa mendapat keputusan yang kurang memberangsangkan serta ditempatkan dalam kelas yang lemah. Kenyataan ini dapat dilihat melalui min markah murid Siam yang diperoleh daripada peperiksaan pertengahan tahun 2002. Di sekolah A, min markah murid Siam ialah 44.8 sedangkan min markah bagi sekolah berkenaan ialah 48.54. Di sekolah B pula, min markah murid Siam ialah 43.6, min markah sekolah ialah 49.1. Di sekolah C pula, min murid Siam ialah 40.9, manakala min markah sekolah ialah 51.23

Purata markah ini berada di tahap gred D (mengikut ukuran gred peperiksaan tingkatan satu hingga tingkatan tiga) dan gred 7D mengikut ukuran gred peperiksaan tingkatan empat dan lima. Ukuran ini berdasarkan ukuran yang dikeluarkan oleh Bahagian Peperiksaan, Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan (lihat lampiran 4).

Walaupun kemiskinan merupakan faktor penting yang menyumbang kepada pencapaian rendah murid di luar bandar, tetapi terdapat sebilangan murid Siam yang miskin tetapi berjaya dalam bidang akademik. Oleh yang demikian, kajian tentang faktor yang membolehkan murid Siam yang berjaya perlu dijalankan.

Pengkaji telah membuat tinjauan awal ke beberapa buah sekolah di dalam jajahan Tumpat untuk meninjau pencapaian akademik murid Siam. Ketika tinjauan dibuat, pengkaji berkesempatan menemui bual beberapa orang pengetua, penolong kanan, setiausaha peperiksaan, guru bahasa yang bertugas di sekolah yang berkenaan. Hasil daripada tinjauan ini, pengkaji mendapati bahawa mereka mengatakan faktor persekitaran tempat tinggal murid memberikan peranan penting kepada pencapaian akademik di sekolah. Untuk mendalami lagi tinjauan awal, pengkaji telah menemui beberapa orang pemimpin masyarakat Siam tempatan dan melawat rumah beberapa orang murid Siam. Hasil temu bual dengan mereka, pengkaji mendapati bahawa persekitaran kekeluargaan murid yang merupakan asas sosialisasi murid mungkin menjadi punca kepada fenomena yang

dibincangkan.¹ Namun begitu, terdapat juga murid Siam yang menunjukkan pencapaian baik tetapi berasal daripada keluarga miskin.

Persoalan yang timbul dalam fikiran penyelidik ialah adakah persekitaran kekeluargaan ini mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik murid-murid Siam di sekolah? Untuk menjawab apa yang menjadi tanda tanya pengkaji, maka pengkaji telah menggariskan objektif dan persoalan kajian.

Pernyataan Masalah

Ibrahim (10 Ogos 2002), dalam ucap utama di seminar *National Conference on Graduate Research in Education* di UPM, mengatakan kekurangan kajian terhadap masalah kesan persekitaran keluarga ke atas pencapaian murid-murid luar bandar patut diberikan perhatian serius oleh universiti tempatan. Tambahnya lagi, masalah yang berkaitan dengan kemiskinan keluarga murid luar bandar tidak boleh dibiarkan kerana ianya akan mendatangkan kesan yang tidak baik kepada pertumbuhan ekonomi dan sosial di negara pada masa depan.

Limitasi Kajian

Kajian ini dihadkan kepada murid-murid Siam tingkatan satu hingga tingkatan lima yang bersekolah di tiga buah dalam jajahan Tumpat. Pencapaian akademik di ketiga-tiga sekolah ini adalah rendah. Ketiga-tiga sekolah ini dipilih kerana di Negeri Kelantan hanya sekolah-sekolah ini sahaja mempunyai murid Siam melebihi 10 orang. Seramai 190 orang murid yang dipilih secara rawak bebas adalah sampel dalam kajian ini.

Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji persekitaran kekeluargaan dan pencapaian akademik murid Siam di sekolah menengah jajahan Tumpat. Objektif khusus kajian ini ialah untuk :

- Mengkaji hubungan persekitaran kekeluargaan dengan pencapaian akademik murid-murid keturunan Siam di peringkat sekolah menengah.

Soalan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meninjau persekitaran kekeluargaan, pencapaian akademik murid-murid keturunan Siam di sekolah menengah jajahan Tumpat. Soalan-soalan kajian ini ialah:

- 1) Adakah terdapat hubungan antara tahap pendidikan bapa dengan pencapaian akademik murid Siam?
- 2) Adakah terdapat hubungan antara pekerjaan bapa dengan pencapaian akademik murid Siam?

1 Siaran televisyen Thailand seperti Channel 3, 5, 7, 9, 11 dan ntv 7 dapat dilihat dengan jelas di jajahan Tumpat.

2 En. Eh Sai A/L Chau Ring, Pengerusi Persatuan Masyarakat Thai Kelantan. Temubual pada 7 Ogos 2002. Saya dapati bahawa persekitaran rumah murid-murid Siam tidak memberikan kelebihan kepada mereka untuk memperoleh keputusan peperiksaan yang baik. Tiada tempat mengulangkaji, ibubapa berpendidikan rendah serta tabiat menonton siaran tv Siam, tidak memberikan apa-apa kelebihan kepada murid-murid ini.

- 3) Adakah terdapat hubungan antara pendapatan keluarga dengan pencapaian akademik murid Siam?
- 4) Adakah terdapat hubungan jumlah bahasa perantaraan dengan ahli-ahli keluarga dengan pencapaian akademik murid Siam?
- 5) Adakah terdapat hubungan jumlah ahli keluarga dengan pencapaian akademik murid Siam?
- 6) Adakah terdapat hubungan antara jumlah jam menonton televisyen pada hari persekolahan dengan pencapaian akademik murid Siam?
- 7) Adakah terdapat hubungan antara jumlah jam menonton televisyen pada hari minggu dengan pencapaian akademik murid Siam?
- 8) Adakah terdapat hubungan antara memiliki bilik bacaan dengan pencapaian akademik murid Siam?
- 8) Adakah terdapat hubungan antara memiliki buku-buku rujukan dengan pencapaian akademik murid Siam?

Kepentingan Kajian

Kajian ini penting kerana ianya mengenal pasti masalah pencapaian di kalangan murid-murid minoriti iaitu murid-murid keturunan Siam dan penglibatan ibu bapa mereka. Setakat ini, tiada kajian dibuat ke atas tahap pencapaian akademik murid-murid Siam di negara ini. Dengan adanya kajian ini nanti, diharapkan ianya dapat memberikan maklumat penting kepada :-

- a. Ibu bapa murid-murid keturunan Siam serta minoriti yang lain, akan mendapat pengetahuan tentang kepentingan amalan sokongan mereka dalam pendidikan anak-anak mereka. Mereka akan memperoleh pengetahuan tentang langkah-langkah serta aspek yang sesuai untuk menyokong pendidikan anak-anak mereka.
- b. Masyarakat Siam itu sendiri, kerana tidak ada kajian dibuat ke atas anak bangsa mereka terutamanya berkaitan dengan pendidikan. Kajian oleh tokoh-tokoh akademik tempatan seperti yang dilakukan oleh Mohamed Yusoff Ismail dari Universiti Kebangsaan Malaysia, lebih berat kepada aspek kebudayaan serta kepercayaan masyarakat Siam. Dengan adanya kajian ini, pihak yang ada kepentingan dengan masyarakat Siam akan mendapat maklumat tentang masalah pencapaian akademik anak bangsa mereka. Pihak yang ada kepentingan seperti Persatuan Masyarakat Siam dan tokoh politik buat mengambil langkah yang sesuai untuk mengatasi masalah ini.
- c. Kementerian Pelajaran. Kajian ini diharapkan dapat memberikan maklumat kepada pihak kementerian untuk merangka langkah serta program yang sesuai untuk membantu murid minoriti untuk meningkatkan pencapaian akademik mereka.

1 Panggilan Orang Siam adalah lebih sesuai penggunaannya berbanding dengan Orang Thai. Ini kerana panggilan Orang Siam sudah biasa dipakai di utara Semenanjung Malaysia untuk merujuk kepada etnik *Khon Thai* atau Orang Thai (Mohamed Yusoff, 1983).

Definisi Operasional

Dalam kajian ini, beberapa definisi telah diberikan terhadap beberapa istilah utama seperti yang diuraikan di bawah:

Persekitaran Keluarga

Persekitaran keluarga dibahagikan kepada dua iaitu persekitaran fizikal dan persekitaran sosial. Persekitaran fizikal terdiri daripada kemudahan elektrik, perabot, bilik, buku rujukan. Manakala persekitaran sosial pula terdiri daripada takat pendidikan bapa, pekerjaan bapa, pendapatan ibu bapa, bahasa pertuturan dalam keluarga, bilangan ahli keluarga dan tabiat tontonan televisyen .

Pencapaian Akademik

Pencapaian akademik dalam kajian ini bermaksud pencapaian murid diukur berdasarkan keputusan peperiksaan. Pencapaian akademik merujuk kepada pencapaian yang diperolehi oleh seseorang murid dalam peperiksaan tertentu. Markah peperiksaan yang digunakan dalam kajian ini ialah markah peperiksaan pertengahan tahun 2002.

Murid kelas baik dan murid kelas lemah

Murid baik dan murid lemah adalah berdasarkan kelas-kelas yang disusun oleh pihak sekolah setelah dibuat pengasingan. Murid-murid yang berada dalam kelas-kelas pandai digolongkan sebagai murid baik, manakala murid yang berada di kelas-kelas lemah digolongkan sebagai murid lemah.

Status Sosioekonomi (SES)

Status Sosioekonomi dalam kajian ini adalah mengikut pendapat Parelius dan Parelius (1987), iaitu diukur dari segi pendidikan, pekerjaan atau pendapatan bapa; sama ada diasingkan atau digabungkan bersama. Dalam kajian ini menggunakan ukuran pendapatan bulanan yang menggabungkan pendapatan bapa dan ibu (sekiranya ibu bekerja) sebagai ukuran status sosioekonomi. Berdasarkan jumlah pendapatan itu, maka ianya dibahagikan kepada berpendapatan tinggi iaitu berpendapatan melebihi RM 2001 sebulan, berpendapatan sederhana iaitu berpendapatan RM 1001 hingga RM 2000 sebulan dan berpendapatan rendah, berpendapatan kurang daripada RM 1000 sebulan (Fatanah , 1997).

Murid-murid Keturunan Siam

Murid-murid keturunan Siam dalam kajian ini ialah murid warganegara Malaysia berketurunan Siam dan mendiami Jajahan Tumpat, Kelantan.¹ Mereka ini adalah murid-murid minoriti yang tinggal di kampung-kampung berhampiran dengan sekolah. Mereka ini mendapat pendidikan yang sama seperti murid-murid yang lain di sekolah-sekolah bantuan kerajaan persekutuan. Cuma untuk membezakan murid-murid keturunan Siam dengan murid-murid yang majoriti iaitu murid-murid Melayu, mereka menggunakan A/L (anak lelaki) dan A/P (anak perempuan) pada nama mereka.

Tinjauan Literatur

Pengenalan

Bab ini akan membincangkan tinjauan literature berkenaan dengan teori budaya kemiskinan, persekitaran kekeluargaan dan pencapaian akademik.

Teori Budaya kemiskinan

Mengikut teori ini, kanak-kanak daripada kelas sosial rendah memasuki bangku sekolah dengan membawa berbagai-bagai kepincangan bersama yang berpunca daripada keadaan keluarga mereka. Antara kepincangan-kepincangan itu ialah kemahiran kognitif yang terhad, motivasi yang rendah, perkembangan personaliti yang negatif dan tingkah laku sosial yang tidak begitu sesuai di sekolah. Kepincangan-kepincangan ini meletakkan kanak-kanak miskin ini di kedudukan yang tidak menguntungkan jika dibandingkan dengan kanak-kanak daripada kelas-kelas sosial yang lain. Apabila kanak-kanak ini meningkat darjah yang lebih tinggi, maka jurang perbezaan kognitif di antara kanak-kanak semakin bertambah (Sharifah Alwiah, 1985. Leacock, 1971). Menurut teori ini lagi, kemiskinan ini berlaku kerana mereka yang miskin mempunyai nilai dan cara hidup yang berlainan daripada masyarakat yang lebih berada. Lewis (1961) mengatakan orang miskin menerima posisi mereka dalam masyarakat dan percaya bahawa mereka tidak mungkin berjaya. Mereka juga mempunyai sikap yang rendah terhadap disiplin diri dan kerja kuat. Budaya sebegini amat berbeza dengan budaya kelas menengah yang dominan.

Tingkah laku dan sikap golongan miskin adalah berbeza daripada ahli masyarakat yang lain dan perbezaan ini menggambarkan perbezaan nilai. Ini kerana kemiskinan yang disebabkan corak hidup yang susah menjadi kebiasaan kepada golongan miskin. Sikap ini dianggap sebagai satu set tingkah laku yang menyimpang daripada tingkah laku yang dominan bagi golongan majoriti yang berkedudukan lebih baik. Satu set norma ini biasanya disepadukan dengan sikap yang menggambarkan berputus asa, bergantung kepada nasib dan hanya berpuas hati dengan pencapaian yang singkat. Newman (1995), pula melihat kewujudan budaya kemiskinan sukar dihapuskan. Ini kerana jalan hidup sebegini mempunyai penerusannya. Ia berterusan daripada satu generasi ke satu generasi. Kanak-kanak yang berumur enam atau tujuh tahun, kebanyakannya akan menyerap nilai dan tingkah laku asas daripada sub budayanya yang berkaitan dengan kemiskinan. Ini menyebabkan mereka tidak memiliki kelebihan demi masa depan mereka. Newman (1995) berpendapat bahawa kita boleh bawa keluar kanak-kanak dari kawasan setinggan tetapi kita tidak boleh membawa keluar sifat setinggan yang ada pada kanak-kanak itu.

Newman (1995) memetik kritikan Wilson (1980) melihat tingkah laku orang miskin kebanyakannya berpunca daripada halangan bersifat institusi seperti tradisi perkauman atau diskriminasi etnik, pengasingan tempat tinggal, peluang ekonomi yang terhad dan rintangan sektor pekerjaan. Keadaan ini telah menyumbang kepada kemiskinan kaum minoriti yang sememangnya mempunyai sejarah yang buruk kesan daripada tingkah laku kaum yang majoriti, contohnya kaum Negro Amerika mempunyai kesan sejarah yang berpanjangan hasil daripada pengabdian. Newman menambah pendapatnya dengan mengatakan kemiskinan bukannya suatu yang berkekalan, kerana setiap orang sentiasa bergerak masuk dan keluar daripada kemiskinan, kerana kemiskinan berasaskan kepada gaya hidup dan sistem nilai yang diamalkan (Newman, 1995).

Persekitaran Kekeluargaan

Keluarga didefinisikan sebagai suatu kumpulan gabungan penghuni yang terdiri daripada suami, isteri dan anak-anak yang menjalankan fungsi-fungsi seperti berikut :

- a. mensosialisasikan dan menerapkan nilai-nilai dan budaya masyarakat
- b. memikul dan menunaikan tanggungjawab menyediakan pendidikan kepada anak-anak (Marimuthu, 1996)

Keluarga ialah satu-satunya agensi sosialisasi yang terpenting dalam masyarakat. Salah satu sebabnya ialah keluarga mempunyai tanggungjawab memberikan kanak-kanak pengalaman ketika peringkat kanak-kanak. Di dalam keluargalah, kanak-kanak mula menerima norma dan nilai kebudayaan. Kanak-kanak yang masuk ke sekolah telah pun menjalani proses sosialisasi di rumah melalui keluarga mereka. Sejauh manakah kanak-kanak ini dapat menerima nilai-nilai sekolah dan mudah disosialisasikan ke dalamnya, adalah bergantung kepada apa yang telah mereka alami di rumahnya (Mohamed Nor, 1990). Pada tahun 1966, James Coleman telah menjalankan kajian ke atas 645,000 murid tahap gred lima di Amerika Syarikat. Kajian ini ditumpukan kepada beberapa kriteria; antaranya kriteria itu ialah maklumat tentang latar belakang murid dan tingkah laku mereka. Dapatan kajian Coleman antaranya ialah ;

- a. Murid minoriti (kecuali murid Asia Amerika) memperoleh skor rendah dalam setiap tahap ujian sekolah berbanding dengan murid kulit putih. Perbezaan ini meningkat daripada gred satu hingga gred dua belas. Coleman membuat anggapan masalah murid minoriti adalah berpunca daripada faktor luaran sekolah. Faktor luaran ini bertumpu kepada faktor keluarga iaitu kemiskinan, pendidikan ibu bapa dan persekitaran yang tidak memberikan kelebihan kepada pencapaian yang baik.
- b. Status sosioekonomi di sekolah iaitu latar belakang keluarga murid itu sendiri dan latar belakang murid yang lain dalam sekolah yang sama. Faktor latar belakang ini adalah faktor yang menyebabkan perbezaan yang besar dalam tahap pencapaian di sekolah (Ballantie, 1997. Mohd Salleh, 1998).

Levine dan Havighurst (2000) memetik kajian Coleman dengan mengatakan latar belakang sosioekonomi boleh dijadikan predictor yang baik untuk mengkaji pencapaian akademik murid di sekolah. Ini kerana kanak-kanak miskin tidak belajar apa-apa di sekolah awam. Bourdieu (1984), pula mengatakan kanak-kanak yang dibesarkan dalam keluarga yang sejahtera akan memiliki sifat-sifat positif yang boleh membantu kejayaannya dalam semua aspek yang diceburi. Sementara kanak-kanak yang dibesarkan dalam keluarga yang tidak tenteram, akan mewarisi sifat-sifat yang negatif dan ini akan menghalang kejayaan mereka pada masa hadapan. Ini kerana keadaan perumahan yang buruk, yang sesak dan keadaan yang lain, masih mempengaruhi sebilangan besar kanak-kanak sehingga dapat menyekat prestasi pendidikan mereka (Bank, 1987). Pendapat sedemikian juga dipersetujui oleh Marimuthu (1996) yang melihat kekurangan ruang dan kemudahan untuk belajar, tiada tempat yang sunyi dan sesuai untuk mengulang kaji; juga akan menyumbang kepada perkembangan akademik murid. Manakala Ballantine (1997), menyatakan bahawa apabila kanak-kanak melangkah ke alam persekolahan, mereka membawa bersama mereka "*Curriculum of The Home*" yang mempengaruhi cara pembelajaran dan pencapaian akademik kanak-kanak tersebut di sekolah. "*Curriculum of The Home*" termasuklah saiz keluarga, bahan

bacaan di rumah, waktu yang diambil untuk menonton tv, perhatian ibu bapa terhadap kerja rumah, masalah ponteng, penglibatan ibu bapa di sekolah dan punca kewangan keluarga.

Persekitaran keluarga pula meliputi segala perkara sama ada yang terdapat di dalam rumah ataupun di luar rumah. Perkara-perkara dalam rumah seperti ruang tamu, bilik, perabot, alatan elektronik, buku dan lain-lain. Persekitaran di luar rumah pula terdiri daripada kawasan halaman, jiran tetangga, kenderaan dan peralatan-peralatan lain. Persekitaran rumah sama ada persekitaran dalaman ataupun persekitaran luaran akan memberikan kesan terhadap pencapaian murid. Abu Bakar (1998) melihat persekitaran keluarga adalah satu faktor yang dapat menimbulkan sesuatu perubahan dan pengaruh dalam jangka masa yang lama. Persekitaran keluarga yang baik memberikan galakan serta kelebihan kepada kanak-kanak yang dibesarkan di dalamnya. Segala peralatan seperti televisyen, komputer, buku dan ruang untuk belajar, kejayaan anak-anak jiran tetangga; akan memberikan sokongan yang positif.

Ballantine (1997) melihat perhubungan yang saling bergantung antara sistem pendidikan dan persekitaran. Ini kerana manusia hidup dalam persekitaran dan persekitaran pula membentuk insan yang berbeza. Persekitaran dikatakan menentukan fungsi, had dan konflik dalam sistem pendidikan. Contohnya kanak-kanak dilihat sebagai "*sponges*" yang akan menyerap ilmu pengetahuan dan persekitaran pula yang terdiri daripada keluarga dan masyarakat menuntut "*input*" yang disampaikan kepada kanak-kanak. Dalam kata lain institusi persekitaran yang saling berkaitan rapat dengan sekolah ialah keluarga, masyarakat, agama, politik dan ekonomi. Ballantine (1997) mengatakan, modal budaya telah membezakan budaya antara keluarga kelas menengah dengan kelas rendah. Ibu bapa kelas menengah yang terdiri daripada ibu yang berpendidikan; sentiasa membaca, mengunjungi perpustakaan, melawat muzium dan menghadiri persidangan. Aktiviti-aktiviti seperti ini boleh meneguhkan nilai pendidikan dalam persekitaran keluarga mereka. Keadaan sedemikian tidak terdapat dalam keluarga kelas rendah. Oleh yang demikian modal budaya ini mewujudkan perbezaan pengalaman persekolahan di kalangan kanak-kanak.

Di Amerika Syarikat, persekitaran keluarga golongan kulit putih dengan golongan kulit hitam amat berbeza. Kebanyakan kanak-kanak kulit hitam dibesarkan dalam persekitaran yang kurang memberangsangkan. Ini kerana ibu bapa kumpulan kulit hitam bekerja sebagai buruh tanpa kemahiran serta tinggal di kawasan setinggan. Noguera (2001), melihat masalah murid-murid lelaki kulit hitam di Amerika Syarikat berada di tahap yang membimbangkan. Noguera mendapati bahawa ramai murid lelaki kulit hitam menghadapi masalah mental, gangguan emosi serta tidak minat terhadap muridan. Ini disebabkan mereka dibesarkan dalam persekitaran sosioekonomi yang rendah dan kelas bawahan (*underclass*). Di kawasan ini, kebanyakan penghuni di kawasan ini terlibat dalam aktiviti yang tidak bermoral seperti penagihan dadah, pemabuk, pelacuran, berpenyakit serta tidak bekerja. Persekitaran sebegini tidak memberikan motivasi kepada anak-anak golongan kulit hitam untuk berjaya di sekolah.

Floud (1956) pula mendapati bahawa pengaruh persekitaran kebendaan kepada pencapaian murid-murid berumur sebelas tahun ke atas, di England. Kesemua kanak-kanak yang dikaji ini mempunyai taraf sosioekonomi yang lebih baik dan memuaskan. Hasil kajiannya mendapati aspek persekitaran kebendaan di rumah memberikan sokongan kepada pencapaian murid. Douglas (1964) pula membuat kajian ke atas anak-anak di Middlesbrough yang ibu bapa mereka berada di tahap sosioekonomi rendah dan serta tinggal di perumahan tidak memuaskan. Hasil kajian Douglas pula mendapati aspek kejayaan kebendaan di rumah

menjadi faktor yang penting dalam mempengaruhi pencapaian dan kejayaan murid-murid di sekolah mereka. Catitan Douglas (1964), mengatakan bahawa pencapaian muridan dan kejayaan murid-murid dari segi markah ujian didapati lebih rendah kalau mereka datang dari rumah tangga yang tidak memuaskan, terlalu sesak, berkongsi bilik tidur dengan adik beradik, berkongsi tandas serta berkongsi bilik mandi dengan keluarga lain.

Kajian Tentang Perkaitan di Antara Persekitaran Keluarga dan Pencapaian Akademik

Adakah terdapatnya hubungan antara persekitaran keluarga dengan pencapaian akademik murid? Tinjauan literatur atas hubungan persekitaran keluarga dengan pencapaian akademik murid dibuat oleh beberapa kajian seperti kajian Clark (1994a), Fatanah (1997), dan Zakaria (1997), menunjukkan bahawa persekitaran keluarga mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik murid.

Clark (1994a), telah membuat kajian kes secara mendalam terhadap 10 keluarga kulit hitam miskin yang tinggal dalam projek perumahan di Chicago. Lima Keluarga mempunyai anak yang menunjukkan pencapaian akademik dalam 20% teratas dalam kelas mereka di *Senior High School*, manakala lima keluarga lagi mempunyai anak yang menunjukkan pencapaian akademik dalam 20% bawah dalam kelas mereka di *Senior High School*. Setiap keluarga akan dilawati oleh Clark dalam selang masa dua hari. Penemuan Clarks adalah dalam keluarga yang tinggi pencapaian mendapati bahawa persekitaran berkaitan dengan pencapaian akademik terdapat dalam keluarga tersebut. Dapatan kajian mendapati ibu bapa murid memberikan galakan, mendidik anak-anak dan kekerapan berdialog antara ibu bapa dengan anak telah menjadi penyumbang penting kepada kejayaan anak mereka. Dalam keadaan ini, Clarks menamakannya sebagai corak keibubapaan yang berwibawa. Sebaliknya persekitaran yang sedemikian tidak terdapat dalam keluarga kanak-kanak yang lemah.

Fatanah (1997), membuat kajian tentang perkaitan antara pencapaian akademik dengan faktor personaliti dan persekitaran keluarga di kalangan murid Maktab Rendah Sains MARA. Tujuan kajian ini adalah untuk menentukan perbezaan antara murid berprestasi tinggi dengan murid berprestasi rendah dan juga antara murid lelaki dengan murid perempuan dari segi faktor personaliti, persekitaran keluarga, fokus kawalan, taraf sosioekonomi dan pencapaian terdahulu. Seramai 356 orang murid menjadi responden kajian. Para responden terdiri daripada murid-murid cemerlang dan murid-murid lemah tingkatan lima daripada lapan Maktab Rendah Sains MARA. Untuk mengukur persekitaran keluarga, penyelidik menggunakan soal selidik persekitaran keluarga Moos dan untuk mendapat maklumat tentang sosioekonomi, penyelidik menggunakan soal selidik maklumat murid. Data-data yang dikumpulkan telah dianalisis menggunakan frekuensi, min, peratusan, ANOVA, MANOVA, korelasi dan regresi. Penemuan kajian Fatanah menunjukkan secara keseluruhan pencapaian akademik tidak banyak bergantung kepada persekitaran keluarga murid. Di kalangan murid berprestasi rendah hanya tiga dimensi yang menunjukkan hubungan yang nyata, iaitu dimensi pernyataan perasaan, kawalan keluarga dan organisasi keluarga. Manakala di kalangan murid berprestasi tinggi menunjukkan tiada hubungan antara pencapaian akademik dengan mana-mana dimensi persekitaran keluarga.

Kajian oleh Zakaria (1997) terhadap persekitaran keluarga dan prestasi pembelajaran bertujuan untuk mengenal pasti bagaimana hubungan antara persekitaran keluarga (status sosial ekonomi ibu bapa, kemudahan pembelajaran anak di rumah, saiz keluarga, bimbingan

dan dorongan ibu bapa terhadap proses pembelajaran anak di rumah) dengan prestasi pembelajaran anak di sekolah. Dalam kajiannya ini, Zakaria mengambil 85 orang murid Sekolah Dasar dalam mukim Teupin Raya, Aceh, Indonesia sebagai respondennya. Data prestasi pembelajaran murid diperoleh daripada ujian khas terhadap enam mata muridan iaitu Matematik, bahasa Indonesia, Pendidikan Moral Pancasila, Ilmu Pengetahuan Alam, Ilmu Pengetahuan Sosial dan Pendidikan Agama Islam. Manakala data persekitaran keluarga dikumpulkan melalui temu bual berstruktur dengan ibu bapa murid.

Data-data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan ujian regresi berganda, korelasi dan peratusan. Hasil penyelidikan menunjukkan terdapat hubungan positif tetapi rendah ($r = .239$, $p < .000$) status sosial ekonomi ibu bapa, kemudahan pembelajaran anak di rumah, bimbingan dan dorongan ibu bapa terhadap proses pembelajaran anak di rumah dengan pembelajaran anak-anak di sekolah pada aras kepastian .05.

Kajian-Kajian Tentang Status Sosioekonomi dan Pencapaian Akademik

Verna dan Campbell (2002), membuat kajian ke atas kesan persekitaran rumah dengan pencapaian akademik di kalangan murid Cina Amerika dengan murid kulit putih Amerika. Tujuan utama kajian ini ialah melihat pencapaian murid dalam mata muridan matematik dan sains. Dengan menggunakan *Inventory of Parental Influence* (IPI), pengkaji membuat perbandingan dari aspek tekanan ibu bapa, sokongan psikologi ibu bapa, bantuan ibu bapa, pembangunan intelektual ibu bapa serta perhatian ibu bapa. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa status sosioekonomi dan sokongan ibu bapa memberikan sumbangan yang penting terhadap pencapaian akademik murid-murid Asia Amerika. Dengan kemampuan kewangan, ibu bapa Asia Amerika membeli banyak alatan bantuan matematik kepada anak-anak mereka. Dalam kata lain, keluarga status sosioekonomi tinggi memiliki banyak bahan intelektual. Mereka juga memberikan lebih bantuan, sokongan serta tekanan.

Nasriah (1997), telah membuat kajian ke atas pencapaian akademik murid-murid sekolah menengah di luar bandar. Kajian ini bertujuan mengkaji faktor-faktor seperti latar belakang, persekitaran rumah dan personaliti yang mempengaruhi pencapaian akademik murid. Dalam kajian ini Nasriah telah mengambil 593 murid tingkatan empat dari tiga buah sekolah menengah di daerah Pendang, Kedah sebagai responden kajiannya. Data-data yang dipungut telah diuji dengan menggunakan peratusan, ujian t, ANOVA dan regresi berganda, pada paras kepastian .05. Hasil kajian menunjukkan majoriti murid adalah daripada keluarga yang mempunyai taraf sosioekonomi rendah. Tahap pencapaian akademik responden adalah rendah dan sederhana sahaja. Selain itu, penemuan kajian Nasriah juga menunjukkan bahawa pencapaian lalu, rujukan kepada buku, rujukan kepada kawan, kemudahan fizikal di rumah dan fokus kawalan mempengaruhi pencapaian akademik secara signifikan.

Kajian ini mendapati bahawa sebahagian besar daripada responden yang berlatarbelakangkan keluarga yang SES rendah, mempunyai aspirasi rendah dan tidak bercita-cita ke menara gading. Para murid daripada SES rendah juga, mempunyai peratusan yang tinggi dalam masalah keciciran atau meninggalkan bangku sekolah pada usia yang muda. Kebanyakan murid luar bandar hanya berjaya menamatkan persekolahan dengan keputusan yang kurang baik dalam Sijil Rendah Muridan (SRP) dan Sijil Muridan Malaysia (SPM). Kajian ini juga mendapati bahawa responden yang mendapat pencapaian akademik yang tinggi di sekolah-sekolah luar bandar, mempunyai cita-cita yang tinggi untuk berhijrah ke bandar.

Kesimpulan

Pencapaian akademik murid-murid luar bandar di negara barat dan negara ini mempunyai hubungan dengan persekitaran kekeluargaan mereka. Persekitaran yang kurang menggalakkan akibat daripada masalah kemiskinan tidak memberikan kelebihan kepada murid-murid yang dibesarkan di dalamnya. Beberapa kajian tempatan dan negara barat telah menunjukkan bahawa persekitaran kekeluargaan yang miskin memang mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik murid. Meskipun kebanyakan kajian mendapati persekitaran yang miskin akan menyebabkan murid memperoleh pencapaian akademik yang rendah, namun begitu terdapat juga sebilangan kecil murid miskin memperoleh pencapaian yang baik. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh proses sosialisasi positif dalam keluarga murid itu. Walau bagaimanapun, tiada kajian dibuat tentang perkaitan persekitaran kekeluargaan murid Siam yang miskin dengan pencapaian akademik mereka. Oleh yang demikian, pengkaji ingin mengkaji faktor yang mendorong pencapaian murid Siam dan membandingkan faktor-faktor ini di kalangan murid Siam yang lemah dengan murid Siam yang baik.

Metodologi

Pendahuluan

Bab ini akan memberikan fokus ke atas metodologi kajian. Bab ini dimulakan dengan informasi atas reka bentuk kajian, diikuti dengan perbincangan atas instrumen-instrumen, responden, kesahihan instrumen, kebolehpercayaan instrumen, prosedur mengutip data dan menganalisis data.

Reka Bentuk Kajian

Tujuan kajian ini dibuat adalah untuk menyelidik hubungan pencapaian murid keturunan Siam dengan persekitaran kekeluargaan mereka. Memandangkan tidak banyak kajian dibuat ke atas pencapaian murid-murid minoriti iaitu murid-murid keturunan Siam, maka kajian berbentuk penerokaan deskriptif dengan menggunakan kaedah meninjau adalah bentuk kajian yang lebih sesuai digunakan.

Sampel Kajian

Responden kajian terdiri daripada 190 orang murid-murid keturunan Siam yang belajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Chabang Empat, SMK Tumpat dan SMK Dato Biji Wangsa

Dalam menentukan bilangan responden, penyelidik mengambil kira saiz kesan. Mengikut Othman (2001), saiz kesan dapat dibahagikan kepada tiga iaitu saiz kesan kecil, saiz kesan sederhana dan saiz kesan besar. Dalam kajian ini saiz kesan sederhana digunakan iaitu $r = .30$. Manakala nilai alpha aras kepastian adalah .05 dan kuasa ialah .80. Nilai kuasa .80 diambil kira kerana mengikut Cohen (1990), dalam kajian sains sosial, memadai kuasa diletakkan pada nilai .80 dan alpha aras kepastian pada .05. Oleh itu, saiz sampel sederhana bagi ujian korelasi ialah 85

Selain itu pengiraan rumus mengikut Isaac dan Micheal (1984), juga diambil kira untuk menentukan saiz sampel yang perlu diambil oleh penyelidik. Pengiraan rumus ditunjukkan dalam pengiraan di bawah

S = saiz sampel yang diperlukan

N = Jumlah populasi yang dikaji

P = Nisbah populasi dilihat pada .50

d² = darjah ketetapan dalam nisbah populasi iaitu .05

X² = 3.841 pada darjah kebebasan satu dan aras keyakinan 9

$$\begin{aligned} S &= X^2 NP (1-P) / d^2 (N-1) + X^2 P (1-P) \\ &= (3.841)(370)(0.5)(0.5) / [(0.05)(0.05)(369)] + [(3.841)(0.5)(0.5)] \\ &= 355.2925 / [(0.9225) + (0.96025)] \\ &= 355.2925 / 1.88275 \\ &= 188.70933 \\ &\cup 190 \end{aligned}$$

Berdasarkan pengiraan Cohen (1990) dan pengiraan rumus Isaac dan Micheal (1984), maka responden kajian yang telah dipilih oleh penyelidik adalah seramai 190 orang. Saiz sampel ini dapat mengurangkan akan berlakunya Ralat Jenis II dalam kajian yang dijalankan.

Instrumen-instrumen

Instrumen-instrumen yang membentuk soalan-soalan dalam borang soal selidik A (rujuk lampiran 1) dan borang soal selidik B (rujuk lampiran 2) adalah dipetik daripada instrumen-instrumen yang terdapat dalam kajian Taha (1977) dan Asmawati (1993). Takat alpha kebolehpercayaan instrumen Asmawati ialah .9706.

Kesahihan Instrumen

Sebelum memulakan kajian ini, instrumen-instrumen ini akan disahkan kesahihan oleh ahli-ahli panel yang pakar dari UPM, UKM serta USM. Ini bertujuan untuk memastikan kesahihan kandungan dan juga kejelasan kandungan instrumen, sebelum ianya boleh digunakan untuk memandu kajian ini. Pembetulan akan dibuat berdasarkan komen daripada panel-panel yang pakar ini.

Kebolehpercayaan Instrumen

Instrumen-instrumen ini telah diuji dengan data kajian rintis dengan menggunakan 30 murid keturunan Siam dari sekolah yang berlainan dan tinggal di kampung Bukit Tanah, Tumpat (mereka ini bukannya responden sebenar yang akan digunakan dalam kajian sebenarnya nanti). Alpha Cronbach intrumen dalam borang A ialah .8986.

Analisis Data

Berdasarkan reaksi dan maklumat daripada soal selidik, data-data yang diperolehi itu akan diproses dan dianalisa dengan menggunakan "*statistical package for social science*" (SPSS) dengan menggunakan komputer. Antara program SPSS yang akan digunakan adalah khi kuasa dua (X²) dan *Pearson Product-Moment Correlation (r)* untuk melihat kekuatan dan arah

perhubungan antara persekitaran kekeluargaan murid dengan pencapaian akademik di sekolah. Paras kepastian .05 akan digunakan dalam ujian ini. Kekuatan perhubungan akan dipandukan dengan menggunakan jadual *Guilford's rule of thumb* seperti dalam jadual 3.1.

Jadual 3.1 : Guilford's rule of thumb

kekuatan perhubungan	
< 0.20	perhubungan yang amat kecil
0.20 - 0.40	perhubungan yang tetap tetapi kecil atau rendah
0.40 - 0.70	perhubungan yang kuat
0.70 - 0.90	perhubungan yang jelas
> 0.90	perhubungan yang sangat dipercayai

Sumber ; Bahaman dan Turiman (1999).

Analisis Data dan Dapatan

Pengenalan

Bahagian ini berkaitan dengan penganalisaan data-data kajian. Perbincangan dalam bab ini adalah berhubung dengan keputusan hasil analisis data yang telah dijalankan berdasarkan dapatan deskriptif dan dapatan statistik. Kajian ini dijalankan untuk meninjau persekitaran kekeluargaan dan pencapaian akademik murid-murid Siam di sekolah menengah jajahan Tumpat. Soalan-soalan kajian iaitu :

Adakah terdapat hubungan antara

- tahap pendidikan bapa
- pekerjaan bapa
- pendapatan ibu bapa
- jumlah ahli keluarga
- jumlah jam menonton televisyen pada hari persekolahan
- jumlah jam menonton televisyen pada hujung minggu
- bilangan bahasa perantaraan dalam keluarga
- memiliki bilik bacaan
- memiliki buku-buku rujukan

dengan pencapaian akademik di kalangan murid Siam sekolah menengah di jajahan Tumpat.

Profil Responden (murid)

a) Jantina

Sejumlah 190 orang murid keturunan Siam dari tingkatan satu hingga tingkatan lima; dipilih sebagai sampel kajian ini. Profile murid-murid dijelaskan mengikut jantina. Daripada jumlah itu, seramai 84 orang murid (44.2%) adalah murid lelaki dan 106 orang murid (55.8%) adalah murid perempuan.

b) Tingkatan

Seramai 27 orang sampel (14.2 %) adalah murid tingkatan satu, 42 orang sampel (22.1%) adalah murid tingkatan dua, 37 orang sampel (19.5%) adalah murid tingkatan tiga, 38 orang sampel (20%) adalah murid tingkatan empat. Manakala 46 orang sampel (24.21%) adalah murid tingkatan lima, telah dipilih sebagai responden kajian.

Hubungan Faktor Persekitaran Kekeluargaan dengan Pencapaian Akademik Murid Siam

Hubungan pencapaian akademik murid dengan tahap pendidikan bapa, pekerjaan bapa, pendapatan ibu bapa, memiliki bilik bacaan, memiliki buku rujukan, jumlah ahli keluarga, jumlah bahasa perantaraan dalam keluarga, jumlah jam menonton televisyen pada hari persekolahan dan jumlah jam menonton televisyen pada hujung minggu dianalisis. Pencapaian akademik murid Siam diukur berdasarkan markah yang mereka peroleh dalam peperiksaan pertengahan tahun 2002.

Perhubungan antara Tahap Pendidikan Bapa dengan Pencapaian Akademik Murid Siam

Analisis korelasi pekali *Pearson* digunakan dan keputusan analisis adalah seperti dalam Jadual 4.1.

Jadual 4.1 : Ujian Korelasi perhubungan antara tahap pendidikan bapa dengan pencapaian akademik murid Siam.

Pencapaian akademik	n	r	p
Tahap pendidikan bapa	190	.246	.001

Aras kepastian .05

Hasil analisis pekali korelasi *Pearson* pada tahap kepastian .05 di dalam Jadual 4.1 menunjukkan korelasi di antara pendidikan bapa dengan pencapaian akademik ialah .246. Merujuk kepada Jadual *Guilford's rule of thumb*, bacaan ini menunjukkan perhubungan yang kecil atau lemah. Dengan ini, hasil kajian mendapati bahawa terdapat perhubungan yang lemah di antara tahap pendidikan bapa dengan pencapaian akademik murid Siam dan hubungan ini signifikan pada aras kepastian .05.

Analisis khi kuasa dua digunakan dan keputusan analisis adalah seperti dalam Jadual 4.2.

Jadual 4.2 : Ujian khi kuasa dua perhubungan antara pekerjaan bapa dengan pencapaian akademik murid Siam.

Perhubungan antara Pekerjaan Bapa dengan Pencapaian Akademik Murid Siam				
murid	sektor pekerjaan bapa			jumlah (%)
	tradisional (%)	separa (%)	moden (%)	
Murid lemah	91 (95.79) (58.71)	1 (1.1) (9.1)	3 (3.16) (12.5)	95 (100)
Murid baik	64 (67.37) (41.29)	10 (10.53) (90.9)	21 (22.11) (87.5)	95 (100)
Jumlah	155 (100)	11 (100)	24 (100)	190 (100)
$X^2 = 25.567$ df 2) p=.000 <i>cramer v</i> = .367				

Hasil keputusan analisis khi kuasa dua pada aras kepastian .05 di dalam Jadual 4.2 mendapati terdapat hubungan signifikan ($X^2 = 25.567$, $p = .000$) dan *cramer V* = .344. Dengan ini, hasil kajian menunjukkan terdapat perhubungan yang lemah di antara pekerjaan bapa dengan pencapaian akademik murid dan hubungan ini signifikan

Perhubungan antara Pendapatan Ibu bapa dengan Pencapaian Akademik Murid Siam

Analisis pekali korelasi Pearson digunakan dan keputusan analisis adalah seperti dalam Jadual 4.3.

Jadual 4.3 : Ujian korelasi perhubungan antara pendapatan ibu bapa dengan pencapaian akademik murid Siam.

Pencapaian akademik murid	n	r	p
-----pendapatan ibu bapa	190	.391	.000

Aras kepastian .05

Hasil keputusan analisis pekali korelasi Pearson pada aras kepastian .05 dalam Jadual 4.3 menunjukkan korelasi di antara pendapatan ibu bapa dengan pencapaian akademik ialah di atas adalah .391. Ini bermakna perhubungan antara pendapatan ibu bapa dengan pencapaian akademik anak adalah sederhana dan hubungan ini signifikan pada aras kepastian yang diuji.

Perhubungan antara Bilangan Ahli keluarga dengan Pencapaian Akademik Murid Siam.

Analisis pekali korelasi Pearson digunakan dan keputusan analisis adalah seperti jadual 4.4.

Jadual 4.4 : Ujian korelasi perhubungan antara bilangan ahli keluarga dengan pencapaian akademik murid Siam.

Pencapaian akademik murid	n	r	p
bilangan ahli keluarga yang tinggal bersama.	190	-.174	.016

Aras Kepastian .05

Hasil keputusan pekali korelasi Pearson pada aras kepastian .05 di dalam Jadual 4.4 menunjukkan korelasi di antara bilangan ahli keluarga dengan pencapaian akademik ialah -.174. Bacaan ini bermakna perhubungan antara bilangan ahli keluarga dengan pencapaian akademik murid adalah negatif serta lemah. Namun begitu ianya signifikan pada aras kepastian yang diuji. Ini bererti bahawa semakin banyak ahli keluarga tinggal bersama murid, maka semakin lemah pencapaian akademik murid.

Perhubungan antara Jumlah Jam Menonton Televisyen Pada Hari Persekolahan dengan Pencapaian Akademik Murid Siam.

Analisis pekali korelasi Pearson digunakan dan keputusan analisis seperti dalam Jadual 4.5.

Jadual 4.5 : Ujian korelasi perhubungan antara jumlah jam menonton televisyen pada hari persekolahan dengan pencapaian akademik murid.

Pencapaian akademik murid	n	r	p
jumlah jam menonton tv pada hari persekolahan	190	-.292	.000

Aras kepastian .05

Hasil keputusan analisis pekali korelasi Pearson pada tahap kepastian .05 di dalam Jadual 4.5 menunjukkan korelasi di antara jumlah jam menonton televisyen pada hari persekolahan dengan pencapaian akademik ialah -.292. Bacaan ini bermakna perhubungan antara jumlah jam menonton televisyen pada hari persekolahan adalah negatif serta lemah. Namun begitu ianya hubungan signifikan pada aras kepastian yang diuji. Ini bererti bahawa semakin banyak murid menonton televisyen pada hari persekolahan, maka pencapaian akademik mereka semakin lemah.

Perhubungan antara Jumlah Jam Menonton Televisyen Pada Hujung Minggu dengan Pencapaian Akademik Murid Siam

Analisis pekali korelasi Pearson digunakan dan keputusan ditunjukkan dalam Jadual 4.6

Jadual 4.6 : Ujian korelasi perhubungan antara jumlah jam menonton televisyen pada hujung minggu dengan pencapaian akademik murid Siam.

Pencapaian akademik murid	n	r	p
jumlah jam menonton tv pada hujung minggu	190	-.351	.000

Aras kepastian .05

Hasil keputusan analisis pekali korelasi Pearson pada aras kepastian .05 di dalam Jadual 4.6 menunjukkan korelasi di antara jumlah jam menonton televisyen pada hujung minggu ialah -.351. Bacaan ini menunjukkan perhubungan antara jumlah jam menonton televisyen pada hujung minggu dengan pencapaian akademik murid Siam adalah negatif serta lemah. Namun begitu, hubungan ini signifikan pada aras kepastian yang dikaji. Dapatan ini menunjukkan bahawa semakin banyak jam murid menonton televisyen pada hujung minggu, pencapaian akademiknya semakin rendah.

Perhubungan antara Bilangan Bahasa Pertuturan dalam Keluarga dengan Pencapaian Akademik Murid Siam

Analisis pekali korelasi Pearson digunakan dan keputusan analisis adalah seperti dalam Jadual 4.7.

Jadual 4.7 : Ujian korelasi perhubungan antara bilangan bahasa pertuturan dalam keluarga dengan pencapaian akademik murid.

pencapaian akademik murid	n	r	p
bilangan bahasa pertuturan dengan ahli keluarga	190	.447	.000

Aras kepastian .05

Hasil analisis pekali korelasi Pearson pada aras kepastian .05 di dalam Jadual 4.7 menunjukkan korelasi di antara bilangan bahasa pertuturan dalam keluarga dengan pencapaian akademik ialah .447 dan bacaan menunjukkan hubungan yang kuat. Hubung ini signifikan pada aras yang diuji.

Perhubungan antara Memiliki Bilik Bacaan dengan Pencapaian Akademik Murid Siam

Analisis khi kuasa dua digunakan dan keputusan analisis ditunjukkan dalam Jadual 4.8.

Jadual 4.8 : Ujian khi kuasa dua perhubungan antara memiliki bilik bacaan dengan pencapaian akademik murid Siam.

murid	bilik bacaan		jumlah (%)
	tiada (%)	ada (%)	
Murid lemah	76 (80) (73.08)	19 (20) (22.1)	95 (100)
Murid baik	28 (29.47) (26.92)	67 (70.53) (77.9)	95 (100)
Jumlah	104 (100)	86 (100)	190 (100)

$X^2 = 48.945$ (df 1) $p = .000$ $cramer\ v = .508$

Hasil keputusan analisis khi kuasa dua pada tahap signifikan .05 di dalam Jadual 4.8, terdapat hubungan yang signifikan ($X^2 = 48.945$, $p = .000$) dan $cramer\ V = .508$. Bacaan ini menunjukkan perhubungan antara memiliki bilik bacaan dengan pencapaian akademik murid Siam adalah kuat.

Penemuan kajian tentang hubungan persekitaran kekeluargaan dengan pencapaian akademik murid Siam, mendapati kebanyakan item persekitaran menunjukkan hubungan yang lemah. Namun begitu kesemua item mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik murid. Hubungan yang lemah ini disebabkan faktor homogeneus di kalangan murid Siam yang dikaji.

Rumusan, Perbincangan dan Implikasi

Pengenalan

Bab ini akan membincangkan dengan rumusan dan dapatan Dalam bahagian perbincangan implikasi, penyelidik membincangkan implikasi ke atas beberapa pihak yang mempunyai kepentingan dengan sampel kajian. Bahagian cadangan pula mengandungi beberapa saranan untuk perhatian dan tindakan pihak-pihak tertentu dan para penyelidik pada masa depan.

Rumusan Kajian

Masalah pencapaian rendah di kalangan murid-murid luar bandar telah membimbangkan banyak pihak. Matlamat utama pendidikan kebangsaan adalah memberikan peluang yang sama kepada semua rakyat tanpa mengira kedudukan, kaum serta lokasi kediaman. Terdapat kajian-kajian yang menunjukkan bahawa pencapaian murid status SES rendah berada di tahap yang kurang memuaskan. Walau bagaimanapun, kajian terhadap pencapaian murid luar bandar terutamanya murid minoriti seperti murid-murid Siam tidak dibuat di negara ini.

Masalah pencapaian murid minoriti luar bandar ini berkait rapat dengan persekitaran kekeluargaan mereka.

Kajian ini dilakukan untuk meninjau persekitaran kekeluargaan dan pencapaian murid minoriti luar bandar tidak pernah dilakukan di negara ini. Memang tidak dapat dinafikan bahawa kebanyakan murid-murid minoriti ini dibesarkan dalam keluarga miskin. Kemiskinan yang dialami oleh mereka tidak memberikan kelebihan kepada mereka untuk maju dalam pendidikan.

Kajian ini merupakan kajian deskriptif tinjauan yang menggunakan soal selidik murid temu bual. Sampel kajian terdiri daripada 190 orang murid keturunan Siam daripada kelas yang baik dan lemah dipilih secara rawak berlapis di tiga buah sekolah. Dapatan dianalisa dengan menggunakan korelasi Pearson (r) dan ujian Khi Kuasa Dua (X)

Perhubungan Persekitaran Kekeluargaan dengan Pencapaian Akademik Murid Siam

Penemuan kajian tentang perhubungan persekitaran kekeluargaan dengan pencapaian akademik murid Siam menunjukkan beberapa item yang merupakan persekitaran sosial kecuali jumlah bahasa pertuturan dalam keluarga menunjukkan perhubungan yang rendah. Item-item persekitaran sosial itu ialah tahap pendidikan bapa, pekerjaan bapa, pendapatan keluarga, jumlah ahli keluarga, jumlah jam menonton televisyen pada hari persekolahan dan jumlah jam menonton televisyen pada hujung minggu. Manakala item fizikal famili seperti memiliki bilik bacaan, buku rujukan menunjukkan perhubungan yang kuat.

Perhubungan yang lemah antara item-item persekitaran kekeluargaan dengan pencapaian murid Siam adalah disebabkan oleh faktor homogeneous di kalangan murid-murid Siam yang dikaji. Dalam kata lain, tiada perbezaan yang banyak antara murid-murid Siam ini dari segi persekitaran kekeluargaan mereka.

Implikasi Kepada Teori

Kajian ini mendapati pada keseluruhannya ibu bapa murid Siam terdiri daripada golongan yang berpendapatan rendah. Kemiskinan yang dialami oleh para ibu bapa murid Siam adalah berpunca daripada tahap pendidikan yang rendah dan mereka juga terlibat dalam pekerjaan sektor tradisional. Kemiskinan juga menyebabkan para ibu bapa tidak mampu menyediakan peralatan persekolahan yang lengkap kepada anak-anak mereka. Persekitaran kekeluargaan sebegini tidak menggalakkan anak yang dibesarkan di dalamnya memperoleh keputusan akademik yang cemerlang. Penemuan ini adalah bersesuaian dengan teori budaya

kemiskinan yang melihat kanak-kanak dari SES rendah memasuki bangku sekolah dengan membawa berbagai-bagai kepincangan yang berpunca daripada keluarga mereka ini, ianya dengan sendirinya akan memutuskan rantai pusingan teori putaran ganas kemiskinan ini.

Namun begitu, kemiskinan bukannya sesuatu yang statik dalam masyarakat moden di negara kita, telah menggugat keutuhan teori budaya kemiskinan yang dikemukakan oleh Lewis (1961). Dalam ekonomi moden pada masa sekarang, seseorang boleh berjaya dalam hidupnya sekiranya ianya bekerja keras dan bukannya menerima nasib. Di negara kita, masalah perkauman atau diskriminasi etnik dalam peluang pekerjaan dan ekonomi boleh dikatakan tidak berlaku. Seseorang boleh berjaya dan menjawat jawatan yang tinggi dalam apa juga bidang diceburinya tanpa merujuk kepada latar belakang serta bangsanya. Ini adalah bersesuaian dengan kritikan Newman (1995) yang mengatakan setiap orang sentiasa bergerak masuk dan keluar daripada kemiskinan. Salah satu cara untuk bergerak keluar daripada lingkungan kemiskinan adalah melalui pendidikan. Dengan peluang pendidikan yang sama diberikan oleh pihak kerajaan, maka setiap murid tanpa kira murid majoriti atau murid minoriti, mempunyai peluang yang sama untuk keluar daripada lingkungan kemiskinan.

Implikasi Kepada Ibu Bapa Murid

Penemuan kajian menunjukkan bahawa persekitaran kekeluargaan mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian murid di sekolah. Oleh yang demikian para ibu bapa perlulah memastikan persekitaran dalam keluarga mereka berada dalam keadaan yang positif. Kesedaran tentang kepentingan persekitaran yang positif ini boleh diperolehi melalui maklumat daripada pihak sekolah. Pihak sekolah dan guru-guru boleh memberikan panduan yang baik kepada para ibu bapa tentang bagaimana ingin menyediakan suasana yang positif dalam rumah tangga mereka.

Implikasi Kepada Pemimpin Masyarakat Siam

Para pemimpin masyarakat Siam seperti pemimpin Persatuan Masyarakat Thai Kelantan sepatutnya lebih peka terhadap masalah pencapaian akademik murid Siam. Memandangkan masalah pencapaian akademik murid Siam ini mempunyai hubungan dengan persekitaran kekeluargaan, maka pihak persatuan perlulah memikirkan cara terbaik untuk mengubah keadaan ini. Program Seminar Keibubapaan seperti yang pernah diadakan pada 22 Mac 2002 perlu diadakan dengan lebih kerap lagi. Seminar-seminar seperti ini sudah tentu dapat memberikan maklumat penting kepada ibu bapa murid untuk mengubah persekitaran kekeluargaan mereka.

Pihak persatuan dan pemimpin masyarakat Siam perlu bersama-sama membantu dengan menganjurkan kelas-kelas tambahan di kawasan wat (kuil). Ini kerana wat mempunyai kawasan yang luas serta dewan serba guna yang tidak perlu disewa. Guru-guru berbangsa Siam dan Cina yang tinggal di kampung Siam atau kawasan berdekatan boleh digunakan sebagai tenaga pengajar dengan diberikan sedikit imbuhan. Dana kewangan untuk menggerakkan kelas-kelas tambahan di wat-wat ini boleh diambil daripada orang ramai, badan swasta atau pihak kerajaan. Usaha-usaha mencari dana ini boleh dilakukan oleh semua pihak sama ada ibu bapa sendiri, pemimpin masyarakat serta senator.

Implikasi Kepada Kementerian Pelajaran

Kejayaan untuk meningkatkan pencapaian akademik murid-murid Siam ini perlu dimulakan oleh pihak Kementerian Pendidikan. Dalam hal ini, pihak kementerian mesti menetapkan objektif jelas tentang cara-cara membantu para murid Siam ini. Usaha ini dimulakan dengan menyalurkan biasiswa dan bantuan peralatan persekolahan seperti buku rujukan kepada para murid Siam. Seperti mana yang dicadangkan dalam Bajet 2003, pemberian baucher tuisyen kepada murid-murid miskin seperti murid-murid Siam ini, perlulah disegerakan. Dengan adanya baucher ini, para murid ini berpeluang menghadiri kelas tuisyen dengan guru-guru pengalaman pilihan mereka yang mungkin dari sekolah lain.

Selain daripada itu, Kementerian Pendidikan juga perlu mengubah sukatan kurikulum pendidikan guru yang diadakan di maktab-maktab perguruan dan universiti-universiti tempatan. Pendidikan berbilang budaya perlulah diperkenalkan kepada bakal agar mereka lebih peka terhadap kelainan budaya di kalangan murid-muridnya. Dalam hal ini, bakal guru didedahkan dengan bahan-bahan dan contoh daripada pelbagai budaya. Para guru pelatih ini perlu menjalani teori dan praktikal yang memerlukan mereka menyiapkan tugas tentang cara meningkatkan pengajaran dan pembelajaran di kalangan murid-murid minoriti yang terdapat di Malaysia. Selepas itu, mereka perlu menjalani latihan amali di kelas-kelas yang mempunyai murid-murid yang berlainan bangsa di sekolah-sekolah kawasan luar bandar.

Implikasi kepada kajian akan datang

Kajian ini menyelidik perhubungan persekitaran kekeluargaan dengan pencapaian akademik murid-murid Siam di sekolah menengah jajahan Tumpat. Kajian lanjutan untuk mendapatkan dapatan yang lebih menyeluruh.

Sampel kajian ini dihadkan kepada tiga buah sekolah sahaja. Memandangkan dapatan kajian dan keputusan yang diperoleh daripada kajian ini tidak dapat digeneralisasikan kepada semua murid-murid Siam di negara ini, kajian lanjutan perlu dilakukan ke atas semua murid Siam di negeri Kedah, Perlis serta Perak, dengan menggunakan prosedur pensampelan berlapis untuk memperoleh dapatan yang lebih lengkap dan menyeluruh.

Kajian lanjutan juga perlu dibuat terhadap hubungan persekitaran kekeluargaan dengan pencapaian akademik murid-murid Siam di peringkat sekolah rendah dan prasekolah. Memandangkan pendidikan sekolah menengah adalah lanjutan daripada pendidikan rendah dan prasekolah, maka maklumat daripada kajian lanjutan di peringkat sekolah rendah dan prasekolah akan memberikan manfaat yang besar kepada kajian di peringkat sekolah menengah.

Kajian lanjutan perlu ke atas murid-murid minoriti yang lain seperti murid Orang Asli, murid-murid peribumi Sabah dan Sarawak. Maklumat-maklumat yang diperoleh daripada kajian lanjutan seperti ini akan memberikan pengetahuan yang berguna kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab merangka apa-apa dasar yang sesuai.

Penutup

Memandangkan kepentingan pencapaian akademik murid sentiasa ditekankan dalam mana-mana peperiksaan, kajian yang lebih meluas dan menyeluruh perlu dijalankan untuk mencari suasana persekitaran yang positif dan membantu kejayaan murid.

Kajian ini merintis jalan untuk kajian-kajian selanjutnya yang berkaitan dengan hubungan persekitaran kekeluargaan dengan pencapaian akademik murid. Diharap pada masa akan datang, kuantiti dan kualiti kajian yang berkaitan dengan bidang kajian ini akan dipertingkatkan.

Rujukan

- Abdul Halim Mat Diah (1989), *Islam dan demokrasi pendidikan* Kuala Lumpur; percetakan ABIM.
- Asmawati Baharudin (1993), *kajian tentang pertalian antara persekitaran rumah tangga dengan pencapaian akademik (UPSR) murid-murid sekolah rendah FELDA Negeri Sembilan*, tesis sarjana pendidikan yang tidak diterbitkan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bahaman Abu Samah dan Turiman Suandi (1999), *Statistic For Social Research*, Kuala Lumpur; JJ Print.
- Ballantine, Jeanne. H. (1993), *The sociology of education; A Systematic Analysis*, second edition, New Jersey; Prentice Hall.
- Bank, Olive (1987), *Sosiologi pendidikan*, (terjemahan), Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bourdieu, P. (1984), *Distinction; a social critique of the judgement of taste*, London; Routledge & Kegan Paul.
- Clark, Reginald M. (1994), *Family life and school achievement; Why Poor Black Children Succeed or Fail*, dalam Anne T. Henderson dan Nancy Berla, *A New Generation of Evidence; The Family is Critical to Student Achievement*, (ms 39 - 40), New York; National Committee for Citizen in Education.
- Cohen, J. (1992), *A Power Primer*, Psychological Bulletin, 112(1); ms 155 - 159.
- Douglas, J.W.B. (1964), *The home and the school*, London; Mac Gibbon & Kee.
- Fatanah Mohamed (1997), *perkaitan antara pencapaian akademik dengan faktor personaliti dan persekitaran keluarga di kalangan murid Maktab Rendah Sains MARA*, tesis kedoktoran pendidikan yang tidak diterbitkan, UKM.
- Floud, J., Hasley, A.H. dan Martin, F.M. (1956), *Social Class and Educational Opportunity*, London; Heinemann.
- Ibrahim Ahmad Bajunid (10 Ogos 2002), "*Penyelidikan berkualiti wahana kecemerlangan komuniti*", ucaptama seminar National Conference on Graduate Research in Education, Serdang; UPM.
- Leacock, Eleanor Burke (ed.), *The culture of poverty; a critique*, New York; Simon & Schuster, 1971.
- Lewis, Oscar (1961), *Children of Sanchez*, New York; Random House.

- Little, Alan (1981), *'Education and Race Relations in The UK'* dalam Jacquetta Megarry,
- Marimuthu, T. (1990), *Pengenalan Sosiologi Pendidikan*, Kuala Lumpur; Fajar Bakti.
- Mohamed Nor Che Nor (1990), *Asas-asas Pendidikan; Satu Pengenalan*, Petaling Jaya; Flo Enterprise.
- Mohamed Yusoff Ismail (1993), *Buddhism and Ethnicity; Social Organization of a Buddhist Temple in Kelantan, Singapura*; Institute of Southeast Asian Studies.
- Mohamed Yusoff Ismail (2000), *'Pengekalan Identiti Masyarakat Minoriti Thai di Kelantan'*, dalam Rahimah Abd. Aziz, *Masyarakat, Budaya dan Perubahan*, (ms 113 -124) Bangi; penerbitan UKM.
- Mohd Salleh Lebar (1998), *Sosiologi Sekolah & Pendidikan*, Batu Caves; Thinker's Library.
- Nasrah Hussein (1997), *pencapaian akademik murid-murid sekolah menengah luar bandar*, tesis sarjana pendidikan yang tidak diterbitkan, Universiti Utara Malaysia.
- Newman, David M. (1995), *Sociology exploring the architecture of Everyday Life*, London; Pine Forge Press.
- Noguera, Pedro A. (2001), *The role and influence of environmental and cultural factor on the academic performance of African American males*, <http://www.inmotionmagazine.com/pnaamale1.html>.
- Parelius, Jemas R dan Parelius, Parker A. (1987), *The Sociology of Educations*, 2nd edition, New Jersey; Prentice Hall.
- Rancangan Malaysia Kelapan 2001 - 2005*, (2001), Kuala Lumpur; Percetakan Nasional.
- Sharifah Alwiah Alsagoff (1985), *Sosiologi Pendidikan*, Kuala Lumpur; Heinemann.
- Sharifah Md Noor (2000), *Keberkesanan Sekolah; Satu Perspektif Sosiologi*, Serdang; Penerbitan UPM.
- Taha Abdul Kadir (1977), *Persekitaran rumah tangga dan pencapaian akademik murid-murid di sebuah sekolah menengah kebangsaan*, tesis sarjana pendidikan yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya.
- Verna, Marilyn Ann dan Campbell, James Reed (2002), *the differential effects of family processes and SES on academic self-concepts and achievement of gifted Asian American and gifted Causasian high school student*, http://eric-web.tc.columbia.edu/pathways/asian_pacific/gifted.html.
- Zakaria (1997), *Persekitaran keluarga dan prestasi pembelajaran anak-anak; kajian kes di kemukiman Teupin Raya, Aceh, Indonesia*, thesis sarjana pendidikan yang tidak diterbitkan, USM.

- 1 Siaran televisyen Thailand seperti Channel 3, 5, 7, 9, 11 dan ntv 7 dapat dilihat dengan jelas di jajahan Tumpat.
- 2 En Eh Sai A/L Chau Ring, Pengerusi Persatuan Masyarakat Thai Kelantan. Temubual pada 7 Ogos 2002.

Saya dapati bahawa persekitaran rumah murid-murid Siam tidak memberikan kelebihan kepada mereka untuk memperoleh keputusan peperiksaan yang baik. Tiada tempat mengulangkaji, ibubapa berpendidikan rendah serta tabiat menonton siaran tv Siam, tidak memberikan apa-apa kelebihan kepada murid-murid ini.

- 3 Panggilan Orang Siam adalah lebih sesuai penggunaannya berbanding dengan Orang Thai. Ini kerana panggilan Orang Siam sudah biasa dipakai di utara Semenanjung Malaysia untuk merujuk kepada etnik Khon Thai atau Orang Thai (Mohamed Yusoff, 1983).